

SIKAP, PENGARUH NORMA DAN KAWALAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN PESERTA PROTUNE NEGERI SELANGOR BERDASARKAN DEMOGRAFI: SATU TINJAUAN AWAL

(Attitudes, Subjective Norms and Perceived Behavioural Control Among Selangors' Protune Participants Based On Demographics: An Initial Review)

*Sarina Seth @ Ibrahim
p105239@siswa.ukm.edu.my

Norasmah Othman

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak: *Hasrat kerajaan dalam membangunkan ekosistem keusahawanan menjelang 2030 menerusi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 mampu mengubah ekonomi negara secara keseluruhannya. PROTUNE merupakan program yang dilaksanakan oleh PKNS dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Selangor untuk membudayakan keusahawanan di Selangor. Penerapan dan pemupukan budaya keusahawanan disasarkan terhadap pelajar sekolah. Maka, kajian ini dilaksana bagi mengenal pasti tahap sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE serta mengenal pasti perbezaan min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE negeri Selangor berdasarkan jantina dan pendapatan keluarga. Kajian kuantitatif iaitu kaedah tinjauan digunakan dalam kajian. Soal selidik diedarkan dalam bentuk google form kepada 39 peserta PROTUNE negeri Selangor. Analisis deskriptif dan inferens diperolehi menggunakan Perisian IBM Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 25. Dapatan kajian menunjukkan sikap peserta PROTUNE pada tahap tinggi manakala pengaruh norma dan kawalan tingkah laku mempunyai tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku dalam kalangan peserta PROTUNE berdasarkan jantina dan pendapatan keluarga. Kajian dalam konteks yang sama boleh dilaksanakan terhadap peserta PROTUNE di negeri lain pada masa hadapan.*

Kata kunci: *PROTUNE; sikap; pengaruh norma, kawalan tingkah laku, jantina, pendapatan keluarga*

Abstract: *The government's intention in developing the entrepreneurial ecosystem by 2030 through the National Entrepreneurship Policy 2030 is able to change the country's economy as a whole. PROTUNE is a program implemented by PKNS in collaboration with the Selangor Education Department to cultivate entrepreneurship in Selangor. The application and nurturing of entrepreneurial culture is targeted at school students. Therefore, this study was conducted to identify the level of attitude, subjective norms and perceived behavioural control of PROTUNE participants as well as to identify the mean differences of attitude, subjective*

norms and Perceived Behavioural Control of PROTUNE participants in Selangor based on gender and family income. Quantitative research i.e. survey method is used in the study. The questionnaire was distributed in google form to 39 PROTUNE participants in Selangor. Descriptive analysis and inference were obtained using IBM Statistical Package For Social Science (SPSS) version 25. The findings showed that the attitudes of PROTUNE participants were at a high level while the subjective norms and perceived behavioural Control was moderately high. The findings of the study also showed that there was no significant difference between the mean of attitudes, subjective norms and perceived behavioural control among PROTUNE participants based on gender and family income. Studies in the same context can be implemented on PROTUNE participants in other states in the future.

Keywords: *PROTUNE; attitudes, subjective norms, perceived behavioural control; gender, family income*

2021 JGBSE

Article Received: 12 August 2021, Revised: 20 August 2021, Accepted 27 September 2021

Pengenalan

Kadar pertumbuhan ekonomi global didapati mengalami ketidakstabilan pada tahun 2019. Kadar pertumbuhan ekonomi didapati mulai menurun dari 3.6% pada tahun 2018 kepada 2.9% (2019) (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020). Kelembapan ekonomi, merujuk kepada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (KDNK 2018=3.0%; KDNK 2019=2.2%), German (KDNK 2018=1.3%; KDNK 2019=0.6%) dan Perancis (KDNK 2018=1.8%; KDNK 2019=1.5%) menyebabkan negara membangun seperti Malaysia (KDNK 2018=4.8%; KDNK 2019=4.3%), Indonesia (KDNK 2019 = 5.2 peratus; KDNK 2019=5.0%) dan Thailand (KDNK 2018=4.2%; KDNK 2019=2.3%) turut terkesan dengan kelembapan ekonomi tersebut (World Bank Group, 2021; Kementerian Kewangan Malaysia, 2020).

Tambahan lagi, pandemik Covid-19 yang berlaku menyebabkan sekatan perjalanan dilaksanakan. Sekatan perjalanan menghadkan pergerakan individu di dalam mahupun luar negara untuk melakukan aktiviti ekonomi dan mengakibatkan penutupan perniagaan berlaku. Kesannya, aktiviti ekonomi di beberapa buah negara mengalami penyusutan dan menjadi lumpuh. Bahkan pelbagai polisi dasar fiskal digubal untuk membantu memulihkan keadaan ekonomi negara (World Bank, 2020; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksana bagi mengurangkan penularan wabak Covid-19. Ini menyebabkan KDNK di kebanyakan negara menunjukkan penurunan pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021; Kementerian Kewangan Malaysia, 2020; World Bank, 2020).

Aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang maju dan makmur menjelang 2030 dapat terlaksana sekiranya usaha membangunkan ekosistem keusahawanan di Malaysia dipergiatkan. Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030) diperkenalkan bagi menyediakan persekitaran keusahawanan yang kondusif (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019; Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019). Keusahawanan dilihat sebagai medium pantas untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi yang berlaku, dapat meransang peningkatan pelaburan dan guna tenaga. Bahkan, kemahiran abad ke-21 yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia, telah memberi penekanan terhadap elemen kreativiti dan inovasi, pemikiran kritis serta penyelesaian masalah dalam melahirkan individu

yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang sempurna dan berdaya manpan (KPM, 2014; KPM, 2013). Pembentukan ciri-ciri keusahawanan dalam diri memerlukan masa dan usaha yang tinggi. Risiko dan cabaran yang dihadapi menjanjikan pulangan yang setimpal dengan usaha yang dicurahkan (Norasmah, Rosilah & Wan Mimi Diyana, 2017).

Selaras dengan itu, Malaysia telah mempergiatkan pembudayaan keusahawanan bermula dari peringkat sekolah hingga ke universiti. Pembudayaan ini dilaksanakan dalam bentuk formal iaitu melalui kurikulum dan juga informal iaitu melalui kokurikulum (KPM, 2013;2014). Pembudayaan keusahawanan dilaksanakan kerana ia terbukti mempunyai kaitan dengan peningkatan terhadap kecenderungan kerjaya keusahawanan. Kesannya, ekonomi sesebuah negara juga akan meningkat pada masa depan. Seterusnya mampu mencipta peluang pekerjaan dan penghasilan modal insan yang berkualiti (Norasmah, Hariyaty & Armanurah, 2019; Silva & Koggalage, 2020).

Sehubungan itu, kerajaan Malaysia melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah memperkenalkan Program Tunas Niaga (PROTUNe) (dahulu dikenali sebagai Program Usahawan Muda – PUM) pada tahun 1989. PROTUNe diperkenalkan untuk menyediakan peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman. Maka, minat terhadap kerjaya keusahawanan dapat dipupuk dalam kalangan peserta program dari awal lagi (PKNS, 2021).

Pernyataan masalah

Kerjaya keusahawanan bukan sahaja diminati oleh pelajar bidang perniagaan atau keusahawanan serta pelajar yang pernah terlibat dalam aktiviti keusahawanan (Che Roseliza & Zulnadi, 2020; Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim, 2019), bahkan turut diminati oleh pelajar selain bidang perniagaan dan keusahawanan (Amier Hafizun, Sakinah & Mohamad Afdzam, 2018). Perubahan ini merupakan satu perkembangan yang baik. Malah, kerajaan mensasarkan Malaysia menjadi sebuah negara keusahawanan terulung menjelang 2030 (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019). Walaupun begitu, ini menunjukkan peranan institusi pendidikan bidang perniagaan keusahawanan kurang memberikan impak yang besar dalam pembentukan modal insan yang mempunyai sikap dan minat terhadap kerjaya keusahawanan berbanding dengan bidang pengajian yang lain. Maka, matlamat kerajaan untuk menyediakan taraf hidup yang standard kepada semua rakyat serta usaha untuk menangani ketidaksamaan kekayaan dan pendapatan masyarakat akan berdepan dengan cabaran yang besar (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019).

Tambahan lagi, terdapat pelajar yang pernah terlibat dalam aktiviti keusahawanan kurang tertarik untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan (Yusof & Sapiah, 2017). Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan yang diperolehi di institusi pendidikan sewajarnya tidak disia-siakan begitu sahaja. Pembangunan modal insan yang berciri keusahawanan tidak berminat terhadap kerjaya keusahawanan bahkan pembaziran wang, masa dan tenaga berlaku.

Selain sikap, pengaruh norma turut memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pelajar meminati kerjaya keusahawanan. Pelajar cenderung mendengar nasihat dan pandangan daripada ibu bapa serta keluarga dalam membuat pilihan (Fam, Faridah & Norasmah, 2021; Israr, M. & Saleem, M., 2018). Namun begitu, ibu bapa dan keluarga dilihat tidak memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi sikap individu untuk memilih kerjaya keusahawanan (Fatin Noor Amirah & Ishak, 2019). Walaupun ibu bapa sering terlibat

dalam menentukan pemilihan bidang pendidikan pelajar di peringkat universiti (Noraznida & Siti Zubaidah, 2018), namun tidak semua ibu bapa mampu mendorong dan mempengaruhi sikap pelajar meminati dan memilih kerjaya keusahawanan yang dilihat mempunyai pulangan pendapatan yang tinggi (Norasmah, Rosilah & Wan Mimi Diyana, 2017).

Kawalan tingkah laku pula merujuk kepada kepercayaan individu terhadap kebolehan diri (Ajzen, 1991). Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh sama ada secara langsung (formal) atau tidak langsung (tidak formal) dalam bidang keusahawanan mampu memberi pendedahan awal dan mendorong kepada peningkatan keyakinan diri menceburi kerjaya keusahawanan (Azwin Darlina, Nor Aishah & Norasmah, 2021). Namun, terdapat pelajar yang kurang menunjukkan minat terhadap kerjaya keusahawanan walaupun telah menghadiri kursus dan seminar keusahawanan (Nadiatul Naqiah & Noor Aslinda, 2020). Ilmu keusahawanan yang diperoleh tidak menjanjikan individu tersebut akan memilih kerjaya keusahawanan pada masa hadapan.

Memandangkan elemen sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku berbeza dan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap kerjaya keusahawanan, justeru kajian dilaksanakan terhadap peserta PROTUNE negeri Selangor. Peserta PROTUNE dipilih memandangkan PROTUNE merupakan program keusahawanan yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPS) dalam melahirkan usahawan pada masa hadapan. Peserta PROTUNE telah diberi pendedahan dalam aspek teori dan praktikal serta dilatih untuk berpemikiran keusahawanan agar dasar keusahawanan negara dapat dicapai menjelang 2030. Pada masa yang sama berupaya mencipta peluang pekerjaan di pasaran. Maka, secara khusus objektif kajian adalah:

- i. Mengenal pasti tahap sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE negeri Selangor berdasarkan demografi.
- ii. Mengenal pasti perbezaan min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE negeri Selangor berdasarkan jantina dan pendapatan keluarga.

Kajian lepas

Sikap

Sikap merujuk kepada penilaian individu terhadap sesuatu perkara. Sikap memberi kesan terhadap tingkah laku dan minat individu (Nor Aishah, 2013). Terdapat kajian yang menunjukkan sikap yang tinggi dalam bidang keusahawanan wujud kerana individu mempunyai minat dan motivasi yang tinggi (Che Roseliza & Zulnaidi, 2020; Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim, 2019; Mohammad Saidi dan Norasmah, 2019; Esmalaily & Norasmah, 2019). Sebaliknya terdapat juga kajian yang menunjukkan individu kurang berminat dalam bidang keusahawanan kerana beranggapan bidang keusahawanan tidak memberikan jaminan kehidupan pada masa hadapan berbanding kerja makan gaji (Azwin Darlina, Nor Aishah & Norasmah, 2021; Affzalina & Nor Aishah, 2017; Mohd Fadzli, 2019).

Pengaruh norma

Ibu bapa dan keluarga serta rakan karib adalah individu penting dalam mempengaruhi sikap dan tingkah laku individu. Ibu bapa dan keluarga merupakan individu yang mempunyai pertalian kekeluargaan yang rapat dengan pelajar. Pelajar akan terdorong untuk terlibat dalam bidang keusahawanan terutama yang mempunyai keluarga yang berlatar belakangkan usahawan (Rosniza Aznie, Nur Hanis, Noordeyana & Junaidi, 2020; Nadiatul Naqiah & Noor Aslinda, 2020; Mohd Nasrul Hakim, 2015). Ini kerana pendedahan telah diberikan sejak dari

usia kecil. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menunjukkan ibu bapa tidak memberi bantuan dan sokongan untuk terlibat dalam bidang keusahawanan (Yusof & Sapiah, 2017; Hatak, Harms & Fink, 2015). Bidang keusahawanan dilihat sebagai bidang berisiko dan tidak stabil (Karunamurthi & Lai, 2017; Noor Izzaty, Muhamad Arif & Siti Fardaniah, 2017; Rudhumbu, Svotwa, Munyanyiwa & Mutsau, 2016).

Kawalan Tingkah Laku

Kebanyakan kajian menunjukkan individu yang mempunyai pengalaman dalam aktiviti perniagaan (Azwin Darlina et al., 2021; Syaima, 2017; Yusof & Sapiah, 2017; Mohamad Suwardi & Arjunan, 2017; Wan Mohd Zaifurin, Nor Hayati & Sabri & Ibrahim, 2016) dan mempelajari jurusan keusahawanan (Nadiatul Naqiah & Noor Aslinda, 2020) bertingkah laku memilih bidang keusahawanan. Akan tetapi, terdapat kajian yang menunjukkan individu yang mempunyai pengetahuan dalam bidang keusahawanan bertingkah laku sebaliknya dalam bidang keusahawanan iaitu tidak berminat menceburi bidang keusahawanan (Amier Hafizun, Sakinah & Mohamad Afdzam, 2018; Mohd Nasrul Hakim, (2015).

Oleh itu ketiga-tiga elemen iaitu sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku dilihat mempunyai perkaitan dengan pemilihan kerjaya keusahawanan individu pada masa hadapan.

Kaedah Penyelidikan

Reka bentuk adalah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Populasi kajian ialah pelajar tingkatan satu hingga empat yang bersekolah di negeri Selangor iaitu seramai 331405 orang (KPM, 2021). Namun, pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan pelajar yang mengikuti PROTUNE di negeri Selangor. PROTUNE Selangor dipilih berdasarkan rekod jualan tahunan yang tinggi (PKNS Bizpoint, 2021). Selain itu peserta PROTUNE dilihat mempunyai potensi untuk menceburi bidang keusahawanan selaras dengan matlamat pelaksanaan PROTUNE (PKNS Bizpoint, 2021) dan kerajaan (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019). Pemilihan responden untuk kajian awal ini adalah seramai 39 orang peserta PROTUNE dari Daerah Kuala Langat dan Hulu Selangor sahaja.

Instrumen kajian telah dibina berasaskan daripada kajian Nor Syakira (2016), Shah dan Soomro (2017), Ravi (2015) serta Solesvik, Westhead, Kolveraid dan Matlay (2012). Konstruk sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku dipilih untuk menguji tahap peserta PROTUNE terhadap kerjaya keusahawanan. Setiap konstruk mempunyai 10 item dan menggunakan Skala Likert Lima Mata (1=Sangat tidak setuju; 2=Tidak setuju; 3=Kurang setuju, 4=Setuju; 5=Sangat setuju).

Sebelum instrumen kajian diedarkan, pandangan daripada pakar dilakukan untuk memastikan setiap item adalah bersesuaian dengan konstruk kajian. Tiga orang pakar dalam bidang keusahawanan dari universiti tempatan telah dirujuk untuk membuat kesahan (kesahan muka dan kandungan). Nilai indeks kesahan kandungan (CVI) yang diperolehi berada pada nilai 0.8 hingga 1.0. Nilai CVI yang menghampiri 1.0 menunjukkan ketepatan pengukuran dengan nilai sebenar sesuatu variabel yang dikaji (Pollit & Beck, 2006; Mokhtar, 2011). Manakala nilai Cronbach Alfa yang diperolehi menghampiri nilai satu iaitu antara 0.654 sehingga 0.848 (Sikap=0.654; Pengaruh norma=0.848; Kawalan tingkah laku=0.842). Nilai yang menghampiri nilai satu adalah baik dan boleh digunakan dalam kajian (Sekaran & Bougie, 2016).

Borang soal selidik disediakan dalam bentuk *google form*. Pengedaran borang soal selidik dilakukan menggunakan pautan yang dikongsi kepada guru pembimbing PROTUNE. Data daripada maklum balas yang diperoleh diproses dan dianalisis menggunakan Perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.

Hasil Dan Perbincangan

Demografi responden

Dapatan kajian menunjukkan 64.1% responden ialah peserta perempuan manakala 35.9% ialah peserta lelaki. Item ‘hasrat untuk menjalankan perniagaan’ mendapat peratus tertinggi pada kategori ‘bila-bila masa pada masa hadapan’ (35.9%) diikuti dengan ‘setelah tamat SPM’ (20.5%). Ini menunjukkan terdapat sikap positif peserta terhadap bidang keusahawanan. Apabila merujuk kepada latar belakang pendapatan keluarga, 56.4% responden terdiri dalam Kumpulan B40 diikuti Kumpulan M40 sebanyak 35.9% dan T20 sebanyak 7.7%.

Jadual 1 Profil responden kajian

Latar belakang	Kategori	F	%
Jantina	Lelaki	14	35.9
	Perempuan	25	64.1
Hasrat untuk menjalankan perniagaan	Tamat SPM	8	20.5
	Lima tahun setelah tamat SPM	2	5.1
	Setelah bergraduat	5	12.8
	Bila-bila masa pada masa hadapan	14	35.9
	Tidak pasti	10	25.6
Pendapatan keluarga	M0 – RM4,849 (Kumpulan B40)	22	56.4
	RM4,850 – RM10,959 (Kumpulan M40)	14	35.9
	RM10,960 dan ke atas (Kumpulan T20)	3	7.7

Tahap sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE Negeri Selangor berdasarkan demografi.

Jadual 2 digunakan sebagai panduan untuk mengukur tahap sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE terhadap bidang keusahawanan. Secara keseluruhannya dapatan kajian (Jadual 3) menunjukkan sikap peserta PROTUNE terhadap bidang keusahawanan berada pada tahap tinggi. Ini berdasarkan skor min sikap=4.45 (SP=0.34). Peserta PROTUNE sangat setuju dengan kebanyakan item dalam konstruk sikap. Kebanyakan item memperoleh peratusan tertinggi pada skala 5 (sangat setuju) kecuali bagi item B2 dan B5. Jumlah persetujuan pada skala 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju) bagi setiap item memperoleh nilai persetujuan melebihi 87.3%. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan sikap terhadap bidang keusahawanan wujud dalam kalangan peserta PROTUNE. Dapatan ini selari dengan kajian Shah dan Somro (2017) bahawa wujud sikap positif peserta program terhadap bidang keusahawanan.

Jadual 2 Interpretasi skor min

Skor min	Interpretasi
1.00-2.89	Rendah
2.90-3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Norasmah et al. (2019)

Jadual 3 Frekuensi, skor min dan sisihan piawai bagi tahap sikap

No	Sikap	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
B1	Saya merasai kepuasan yang tinggi apabila hasil kerja yang dilakukan adalah terbaik	-	-	-	11 (28.2)	28 (71.8)
B2	Saya tidak pernah menanggung melakukan perkara penting	-	4 (10.3)	17 (43.6)	7 (17.9)	11 (28.2)
B3	Saya percaya bahawa keputusan yang tepat adalah penting dalam menentukan kejayaan sesuatu perniagaan.	-	3 (7.7)	-	8 (20.5)	28 (71.8)
B4	Saya percaya bahawa menganalisis kelemahan diri adalah penting dalam melakukan urusan-urusan penting.	-	2 (5.1)	-	10 (25.6)	27 (69.2)
B5	Saya melaksanakan setiap pekerjaan dengan bersungguhsungguh untuk mencapai sasaran atau hasil yang cemerlang.	-	1 (2.6)	3 (7.7)	19 (48.7)	16 (41.0)
B6	Saya berasa bangga dapat melaksanakan kerja yang baik dalam sesebuah projek.	-	-	2 (5.1)	9 (23.1)	28 (71.8)
B7	Saya berasa adalah lebih baik berfikir mengenai kemungkinan yang berlaku pada masa hadapan berbanding dengan pencapaian yang telah lepas.	-	1 (2.6)	1 (2.6)	16 (41.0)	21 (53.8)
B8	Saya berasa puas hati setelah bekerja kuat untuk memajukan diri.	1 (2.6)	-	-	12 (30.8)	26 (66.7)
B9	Saya selalu bekerja kuat untuk menjadi yang terbaik dalam bidang yang diceburi.	-	-	5 (12.8)	15 (38.5)	19 (48.7)
B10	Saya sering mencari peluang yang membolehkan saya mendapat faedah daripadanya.	-	-	2 (5.1)	16 (41.0)	21 (53.8)
Skor min		= 4.45				
Sisihan piawai		= 0.34				
Tahap		= Tinggi				

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian bagi tahap pengaruh norma peserta PROTUNE terhadap bidang keusahawanan berada di tahap sederhana tinggi dengan skor min=3.74 (SP=0.60). Peratus persetujuan tertinggi iaitu melebihi 70% diperoleh pada item C6 (saya mengambil berat tentang apa yang difikir oleh ibu bapa saya ketika memutuskan untuk bekerja sendiri); C7 (saya mengambil berat tentang apa yang difikirkan oleh ahli keluarga saya ketika

memutuskan untuk bekerja sendiri) dan C10 (ibu bapa saya berpendapat menjadi usahawan lebih banyak memberi kebaikan daripada keburukan kepada saya). Dapatan kajian ini menunjukkan responden amat mengambil berat tanggapan ibu bapa dan ahli keluarga ketika mengambil keputusan untuk bekerja sendiri. Namun, peratus ibu bapa dan ahli keluarga yang bersetuju dengan pendapat untuk meneruskan kerjaya keusahawanan tidak menunjukkan peratus persetujuan yang tinggi iaitu di bawah 40% (C1;C2).

Sebaliknya rakan karib dan rakan sekolah berpendapat responden harus meneruskan kerjaya sebagai usahawan apabila peratus persetujuan tertinggi diperoleh pada item C3, C4, C8 dan C9. Ini bermakna rakan karib dan rakan sekolah lebih menyokong responden meneruskan kerjaya keusahawanan berbanding ibu bapa dan ahli keluarga responden sendiri.

Jadual 4 Frekuensi, skor min dan sisihan piawai bagi tahap pengaruh norma

No	Pengaruh norma	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
C1	Ibu bapa saya berpendapat bahawa saya harus meneruskan kerjaya sebagai usahawan	-	8 (20.5)	16 (41.0)	8 (20.5)	7 (17.9)
C2	Ahli keluarga terdekat saya berpendapat bahawa saya harus meneruskan kerjaya sebagai usahawan	-	6 (15.4)	20 (51.3)	8 (20.5)	5 (12.8)
C3	Rakan karib saya berpendapat bahawa saya harus meneruskan kerjaya sebagai usahawan	1 (2.6)	4 (10.3)	14 (35.9)	14 (35.9)	6 (15.4)
C4	Rakan sekolah saya berpendapat bahawa saya harus meneruskan kerjaya sebagai usahawan	1 (2.6)	3 (7.7)	17 (43.6)	12 (30.8)	6 (15.4)
C5	Orang yang penting bagi saya berpendapat bahawa saya harus meneruskan kerjaya sebagai usahawan	-	3 (7.7)	15 (38.5)	11 (28.2)	10 (25.6)
C6	Saya mengambil berat tentang apa yang difikirkan oleh ibu bapa saya ketika memutuskan untuk bekerja sendiri.	-	-	4 (10.3)	14 (35.9)	21 (53.8)
C7	Saya mengambil berat tentang apa yang difikirkan oleh ahli keluarga saya ketika memutuskan untuk bekerja sendiri.	-	-	10 (25.6)	14 (35.9)	15 (38.5)
C8	Saya mengambil berat tentang apa yang difikirkan oleh rakan karib saya ketika memutuskan untuk bekerja sendiri.	2 (5.1)	1 (2.6)	10 (25.6)	14 (35.9)	12 (30.8)
C9	Saya mengambil berat tentang apa yang difikirkan oleh rakan sekolah saya ketika memutuskan untuk bekerja sendiri.	2 (5.1)	4 (10.3)	13 (33.3)	9 (23.1)	11 (28.2)
C10	Ibu bapa saya berpendapat menjadi usahawan lebih banyak memberi kebaikan daripada keburukan kepada saya.	-	1 (2.6)	7 (17.9)	22 (56.4)	9 (23.1)
Skor min		= 3.74				
Sisihan piawai		= 0.60				
Tahap		= Sederhana tinggi				

Jadual 5 menunjukkan frekuensi dan peratusan bagi konstruk kawalan tingkah laku. Skor min yang diperoleh menunjukkan tahap kawalan tingkah laku berada pada tahap sederhana tinggi

(skor min=3.76;SP=0.77). Jumlah peratus persetujuan (sangat setuju dan setuju) yang tinggi diperoleh pada item D1, D2, D3, D5, D8, D9 dan D10 iaitu melebihi 60%. Manakala item D6 dan D7 memperoleh peratus tertinggi pada skala kurang setuju sebanyak 43.6% dan 28.2% masing-masing. Maka, ini menunjukkan peserta PROTUNE mempunyai keyakinan terhadap keupayaan diri menceburi bidang keusahawanan. Kelakuan untuk bertindak wujud setelah pengetahuan dan pengalaman diperoleh. Dapatan ini konsisten dengan dapatan Wan Mohd Zaifurin et al., (2019) bahawa peserta cenderung kepada kerjaya keusahawanan setelah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Jadual 5 Frekuensi, skor min dan sisihan piawai bagi tahap kawalan tingkah laku

No	Kawalan tingkah laku	Frekuensi (Peratusan)				
		STS	TS	KS	S	SS
D1	Saya pernah menyertai program keusahawanan semasa di sekolah	3 (7.7)	4 (10.3)	4 (10.3)	7 (17.9)	21 (53.8)
D2	Saya pernah menjual barang dalam kalangan rakan semasa di sekolah.	5 (12.8)	1 (2.6)	3 (7.7)	5 (12.8)	25 (64.1)
D3	Saya pernah menyertai kelab usahawan semasa di sekolah.	3 (7.7)	3 (7.7)	4 (10.3)	2 (5.1)	27 (69.2)
D4	Saya suka membaca berita keusahawanan dalam media masa.	3 (7.7)	6 (15.4)	8 (20.5)	14 (35.9)	8 (20.5)
D5	Saya berusaha mendapatkan pelbagai maklumat perniagaan daripada sesiapa sahaja.	2 (5.1)	4 (10.3)	9 (23.1)	12 (30.8)	12 (30.8)
D6	Saya selalu menyertai bengkel / kursus / seminar keusahawanan yang dianjurkan oleh mana-mana institusi latihan.	4 (10.3)	7 (17.9)	17 (43.6)	8 (20.5)	3 (7.7)
D7	Saya selalu mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan yang ingin diceburi daripada usahawan yang berpengalaman.	2 (5.1)	8 (20.5)	11 (28.2)	9 (23.1)	9 (23.1)
D8	Saya suka berbincang dengan sesiapa sahaja tentang idea perniagaan	1 (2.6)	3 (7.7)	9 (23.1)	11 (28.2)	15 (38.5)
D9	Saya selalu mengenal pasti peluang perniagaan yang boleh diceburi.	-	3 (7.7)	5 (12.8)	18 (46.2)	13 (33.3)
D10	Saya selalu mendapatkan nasihat daripada ahli keluarga atau rakan-rakan berkaitan kerjaya keusahawanan	-	7 (17.9)	8 (20.5)	12 (30.8)	12 (30.8)
Skor min		= 3.76				
Sisihan piawai		= 0.77				
Tahap		= Sederhana tinggi				

Perbezaan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE negeri Selangor berdasarkan demografi.

Ujian Manova Dua Hala digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku berdasarkan demografi jantina dan pendapatan keluarga. Ini kerana kajian mempunyai tiga pemboleh ubah bersandar dan dua kategori pemboleh ubah tidak bersandar. Maka hipotesis yang digunakan adalah :

H₀₁= Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku dalam kalangan peserta PROTUNe antara jantina lelaki dan perempuan

H₀₂= Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku dalam kalangan peserta PROTUNe berdasarkan pendapatan keluarga B40, M40 dan T20.

H₀₃= Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan pendapatan keluarga terhadap min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNe.

Ujian Box's M dilakukan untuk menentukan sama ada terdapat varian-kovarian dalam kalangan pemboleh ubah bersandar merentasi semua pemboleh ubah bebas dalam kajian. Data menunjukkan nilai yang tidak signifikan; $F=1.164$; $p=0.283$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan varian-kovarian pemboleh ubah bersandar adalah homogenus merentasi semua pemboleh ubah bebas; iaitu tidak terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas.

Terdapat empat jenis ujian statistik yang boleh digunakan bagi menguji hipotesis. Antaranya *Wilks' Lambda*, *Pillai's Trace*, *Hotelling's Trace* dan *Roy's Largest Root*. Kajian ini menggunakan ujian statistic Wilks' Lambda yang kebanyakannya digunakan dalam kajian sains sosial (Green et al., dalam Jamil 2021). Jadual 6 menunjukkan analisis MANOVA Dua Hala yang diperoleh.

Jadual 6 Analisis MANOVA Dua Hala

Kesan	Nilai Wilks' Lamda	Nilai F	D.K antara kumpulan	D.K dalam kumpulan	Tahap Sig.
Jantina	0.949	0.556	1	39	0.648
Pendapatan Keluarga	0.835	0.976	2	39	0.449
Interaksi Jantina * Pendapatan Keluarga	0.946	0.289	2	39	0.940

Berdasarkan Jadual 6, perbezaan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku berdasarkan jantina, mempunyai nilai Wilks' Lamda=0.949, $F_{(1,39)}=0.556$ dan $p=0.648$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan H₀₁ gagal ditolak, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku antara jantina; lelaki dan perempuan.

Perbandingan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku berdasarkan pendapatan keluarga mempunyai nilai Wilks' Lamda=0.835, $F_{(2,39)}=0.976$ dan $p=0.449$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan H₀₂ juga gagal ditolak, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min sikap, pengaruh norma dan kawalan tangkah laku berdasarkan pendapatan keluarga B40, M40 dan T20.

Kesan interaksi antara jantina dan pendapatan keluarga terhadap min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku mempunyai nilai Wilks' Lamda=0.946, $F_{(2,39)}=0.289$ dan $p=0.940$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan H₀₃ juga gagal ditolak, iaitu tidak terdapat kesan interaksi

yang signifikan antara jantina dan pendapatan keluarga terhadap min sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE.

KESIMPULAN

Secara spesifik, dapatan kajian menunjukkan sikap, pengaruh norma dan kawalan tingkah laku peserta PROTUNE negeri Selangor berada di tahap yang baik. Peserta PROTUNE mempunyai tahap sikap yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan (Che Roseliza & Zulnaidi, 2020; Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim, 2019). Faktor pendapatan keluarga berkemungkinan menjadi pendorong responden menceburi bidang keusahawanan pada bila-bila masa bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup keluarga. Manakala pengaruh norma berada di tahap sederhana tinggi. Tanggapan ibu bapa, ahli keluarga, rakan karib dan rakan sekolah terhadap diri peserta PROTUNE amat penting dalam mempengaruhi tindakan mereka. Namun, ibu bapa dan ahli keluarga kurang memberi dorongan kepada peserta PROTUNE berbanding dengan rakan untuk terlibat dalam bidang keusahawanan (Yusof & Sapiah, 2017). Oleh itu tanggapan negatif terhadap kerjaya keusahawanan perlu dikikis. Kerjaya keusahawanan berpotensi pada masa hadapan seiring dengan hasrat kerajaan untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019). Selain itu, kawalan tingkah laku juga berada di tahap sederhana tinggi. Pengalaman dan pengetahuan yang dipelajari menyebabkan responden bertingkah laku memilih kerjaya keusahawanan (Azwin Darlina et al., 2021). Maka, kepelbagaian aktiviti pembelajaran seperti lawatan perniagaan dan temu bual ikon usahawan diperlukan bagi memberi pengalaman sebenar kepada responden. Diharap implikasi kajian ini dapat digunakan oleh PKNS, JPS dan pihak sekolah bahkan ibu bapa dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan yang menyeluruh dan kondusif di Malaysia seiring dengan penerapan enam teras strategi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019). Kajian masa depan boleh dijalankan terhadap peserta PROTUNE di negeri lain dalam konteks yang sama.

Rujukan

- Affzalina Hassan & Nor Aishah Buang. (2017). Perbandingan tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga mahasiswa jurusan Sains. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 1: no.1 (2017) page 86–99
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*. 50(2): 179-211
- Amier Hafizun Ab Rashid, Datin Sakinah Mupit & Mohamad Afdzam Rahim. (2018). Kecenderungan Pelajar terhadap Keusahawanan di Kolej Komuniti Segamat 2. *Volume 1, Issue 3*, 2018: 031-042 ISSN: 2600-9080 <http://www.bitarajournal.com>.
- Azwin Darlina Ismail @ Hj Ja'far, Nor Aishah Buang & Norasmah Othman. (2021). Kecenderungan keusahawanan terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian dalam kalangan pelajar Tingkatan 6. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 2, (page 9-21), 2021 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.646>
- Che Roseliza Abdullah & Zulnaidi Yaacob. (2020). Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar kejuruteraan. *Journal of Sciences and Management Research* 2600-738
- Esmalaily & Norasmah Othman. (2019). Hubungan Antara Kemahiran Keusahawanan Dengan Tekad Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 4(31), 305-317.

- Fam Mei Mei, Faridah Mydin Kutty & Norasmah Othman. (2021). Penglibatan ibu bapa dan efikasi sendiri murid sekolah menengah dalam membuat keputusan kerjaya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 9, (page 230 - 240), 2021 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1023>
- Fatin Noor Amirah Mamat & Ishak Abd Rahman. (2019). Faktor pemilihan pekerjaan dalam kalangan prasiswazah: kajian di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana* Volume 3(4) December 2019: 1-18; e-ISSN 2600-9501
- Hatak, I., Harms, R., & Fink, M. (2015). Age, job identification, and entrepreneurial intention. *Journal of Managerial Psychology*, 30(1), 38-53.
- Israr, M. & Saleem, M. (2018). Entrepreneurial Intentions among University Students in Italy. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 8(1), 20.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia Siri 3/2021*.
- Jamil Ahmad. (2021). *SPSS Guide : SPSS step-by-step*. Aspirasi Optima Sdn Bhd.
- Karunamurthi, K. & Lai Wei Sieng. (2017). Pilihan sektor pekerjaan dan faktor mempengaruhi pilihan pekerjaan dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Personalia Pelajar* 21(2): 5-11
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2019). *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2020). *Tinjauan ekonomi 2021*.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. (2019). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran berfikir aras tinggi ; Aplikasi di sekolah*. Putrajaya. BPK KPM.
- KPM. (2021). Laporan dan statistik: Senarai sekolah KPM. <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/senarai-sekolah> diakses pada 26 mei 2021
- Mohamad Suwardi Mohamad Yusof & Arjunan, L. (2017). Pengaruh pengalaman keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. <https://www.researchgate.net/publication/334647191>
- Mohammad Saidi Usop & Norasmah Othman. (2019). Tahap pemilihan kerjaya keusahawanan masyarakat Iban di Sebuyau Sarawak. Volume: 2 Issues: 5 [March, 2019] pp.38-43] *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices* eISSN: 2600-8750 Journal website: www.ijemp.com
- Mohd Fadzli Bin Samsudin. (2019). *Daya tahan dan kesediaan keusahawanan pelajar sekolah menengah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Nasrul Hakim Jalaludin. (2015). *Kajian kecenderungan keusahawanan pelajar di Universiti Kuala Lumpur*. Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadiatul Naqiah Yazid & Noor Aslinda Abu Seman. (2020). Hubungan antara faktor demografi dan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar UTHM. *Research in Management of Technology and Business* Vol. 1 No. 1 (2020) 999–1012
- Naimatullah Shah, Bahadur Ali Soomro. (2017). "Investigating entrepreneurial intention among public sector university students of Pakistan", *Education + Training*, Vol. 59 Issue: 7/8, pp.841-855, <https://doi.org/10.1108/ET-11-2016-0168>.

- Noor Izzaty Ibrahim, Muhamad Ariff Ibrahim & Siti Fardaniah Abdul Aziz. (2017). Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar university. *Journal of Social Science and Humanities*. Special Issue 3 (2017): 003 ISSN: 1823-884x
- Nor Aisyah Buang. (2013). *Pendidikan Keusahawanan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norasmah Othman, Hariyaty Ab Wahid & Armanurah Mohamad. (2019). *Pendidikan Keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norasmah Othman, Rosilah Hassan & Wan Mimi Diyana Wan Zaki. (2017). *Pendidikan Asas Keusahawanan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noraznida Husin & Siti Zubaidah Md Nor. (2018). Faktor yang mempengaruhi pemilihan program pengajian di IPTS: Kajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor. Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018) e-ISBN: 978-967-2122-52-4
- PKNS. (2021). Slaid taklimat PROTUNE 2020
- Polit, D. F. & Beck, C.T. (2006). The content validity index: are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 2006, 29, 489-497
- Rosniza Aznie Che Rose, Nur Hanis Misrin, Noordeyana Tambi & Junaidi Awang Besar. (2020). Faktor Pemilihan Pekerjaan Tidak Formal dalam Kalangan Generasi Muda. *Akademika 90* (Isu Khas 1/Special Issue), 2020: 147-160.
- Rudhumbu, N., Svtowa, D., Munyanyiwa. T. & Mutsau, M. (2016). Attitudes of Students towards Entrepreneurship Education at Two Selected Higher Education Institutions in Botswana: A Critical Analysis and Reflection. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies MCSER Publishing, Rome-Italy*. Vol 5 No 2 July 2016. E-ISSN 2281-4612 ISSN 2281-3993.
- Silva L.D. & Koggalage, R. (2020). Factors affecting for the entrepreneurship intention of undergraduates. *Journal of Multidisciplinary Engineering Science and Technology (JMEST)* ISSN: 2458-9403 Vol. 7 Issue 5, May – 2020.
- Syaima Md Rozlan. (2017). Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan banduan sabitan penjara Kajang. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat. (2019). Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika* 89(2), Julai 2019: 3-15 <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-01>
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. (2016). Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1)(2016): 87-98.
- World Bank Group. (2021). Data Bank: World Development Indicators. <https://databank.worldbank.org/indicator/NY.GDP.MKTP.KD.ZG/1ff4a498/Popular-Indicators#> Diakses pada 25 September 2021
- World Bank. (2020). Global outlook; Pandemic, Recession: The global economy in crisis – chapter 1 https://elibrary.worldbank.org/doi/abs/10.1596/978-1-4648-1553-9_ch1
- Yusof Bin Boon & Sapiyah Bohari. (2017). Kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor.
- Z.Solesvik, M., Westhead, P., Kolveraid, L. & Matlay, H. (2012). Student intentions to become self-employed: the Ukrainian context *Journal of Small Business and Enterprise Development* Vol. 19 No. 3, 2012 pp. 441-460 q Emerald Group Publishing Limited 1462-6004 DOI 10.1108/14626001211250153

Maklumat penulis

Sarina Seth @ Ibrahim

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Prof. Dr. Norasmah Hj. Othman

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia